

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

## Kaedah meramaikan perawat AIDS dan HIV

03. Feb 2009

Jelita  
NEWS  
37099  
78784

Language  
Page No  
Article Size  
Frequency  
Color  
AdValue

MALAY  
178  
526 cm2  
Monthly  
Full Color  
5377.33



### Kesihatan

TULISAN: SITI MARIAM ELIAS

## Kaedah meramaikan perawat Aids dan HIV

BILANGAN pesakit sindrom kurang daya tahan penyakit (Aids) disebabkan virus HIV semakin meningkat. Menurut kajian syarikat farmaseutikal Merck Sharp & Dohme (MSD), bilangan orang yang positif HIV di Malaysia setakat Disember 2007 ialah seramai 80,938. Daripada jumlah ini, seramai 10,334 meninggal dunia dengan 74,104 orang adalah pesakit lelaki dan selebihnya wanita.



Peserta pertandingan bergambar bersama-sama.

**A**pabila seseorang itu disahkan positif HIV atau menghidap Aids, bukan sahaja diri pesakit itu terbeban, malah orang sekeliling turut merasai bebannya terutama keluarga, rakan terdekat dan majikan. Justeru, MSD prihatin dengan masalah ini lalu bertindak untuk meninggikan nisbah pakar perubatan kepada pesakit. Caranya ialah menyediakan pelajar jurusan perubatan yang memahami kehidupan pesakit Aids dan HIV. Pengarah Urusan MSD Malaysia, Ewe Kheng Huat berkata, "Kami bertanggungjawab bertindak dengan

berkesan mengenai isu pesakit Aids dan HIV. Sama ada menyediakan ubat atau mengadakan perkongsian untuk mengubah tanggapan melalui kempen kesedaran." MSD menganjurkan kempen kesedaran bertajuk Bermula Dengan Anda hasil kerjasama dengan Persatuan Perubatan HIV Malaysia (MaSHM) dan Majlis Aids Malaysia (MAC). Kekurangan bilangan perawat pesakit Aids dan HIV menjadikan penyakit ini sukar ditangani. Halangan besar bagi rawatan dan pengurusan Aids serta HIV di tanahair ialah kejahilan



Poster yang memberi banyak mak untuk pesak Aids dan HIV

mengenai penyakit itu sendiri termasuklah sikap tidak ambil tahu masyarakat. Kempen Bermula Dengan Anda berlangsung sejak 2005. Presiden MaSHM, Dr Christopher Lee berkata, "Kempen Bermula Dengan Anda adalah cara kami menangani kekurangan bilangan perawat Aids dan HIV. Pendekatan ini dilihat boleh membantu menyebarkan kesedaran, pendidikan dan pemikiran kepada semua lapisan masyarakat mengenai penyakit ini."

### Tujuan kempen Bermula Dengan Anda:

- Menyediakan lebih ramai perawat Aids dan HIV.
- Mengubah pemikiran masyarakat mengenai pesakit Aids dan HIV.

### Cara berkempen:

- Mendidik pelajar jurusan perubatan untuk menguruskan pesakit Aids dan HIV.
- Mengadakan pertandingan bertemakan 'Halang Aids: Kotakan Janji'.
- Bekerjasama dengan kolej perubatan untuk mendapatkan penyertaan.

### Kegiatan yang dijalankan:

- Pertandingan video bertempoh lima minit.
- Pertandingan fotografi.
- Pameran.
- Pertandingan melukis poster.
- Lawatan ke rumah perlindungan pesakit Aids dan HIV.